

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JULY 2016

## Hargai keamanan, keharmonian, kestabilan dan kemakmuran

**BAGAN DATOH 24 Julai** - Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru kepada rakyat supaya menghargai nikmat keamanan, keharmonian, kestabilan dan kemakmuran atau 4K yang dikecapi mereka selama ini.

Perdana Menteri berkata, nilai keamanan merupakan perkara yang tidak boleh dipandang ringan walaupun setakat ini, Malaysia bebas daripada ancaman keselamatan.

Menurut beliau, penahanan 14 individu yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas Daesh oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) semalam menunjukkan ada pihak yang ingin melakukan ancaman keselamatan yang serius.

"Kita berjaya mengekalkan keamanan negara setakat ini dan rakyat mesti bersama-sama mempertahankannya.

"Jangan lakukan sesuatu yang boleh menggugat keamanan dalam negara kita," katanya ketika berucap merasmikan Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri 2016 di Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Hutan Melintang di sini malam ini.

Najib menambah, rakyat juga mesti menjaga keharmonian dalam kalangan mereka dan perkara itu terbukti melalui kehadiran masyarakat pelbagai kaum dalam acara-acara perayaan yang dianjurkan.

Beliau memberitahu, kestabilan politik adalah penting bagi memupuk dan menambah keyakinan rakyat terhadap kerajaan yang memerintah.

"Saya hendak ucapkan terima



Um - 25/7/2016

**Kita berjaya mengekalkan keamanan negara setakat ini dan rakyat mesti bersama-sama mempertahankannya."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

kasih, baru-baru ini kita ada Pilihan Raya Kecil di Kuala Kangsar dan Sungai Besar, kita menang besar dan itu menunjukkan kita masih ada kekuatan dari segi sokongan rakyat," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, kemakmuran juga masih wujud dalam negara ini walaupun ekonomi dunia dalam keadaan tidak menentu ekoran harga minyak yang merudum.

Menurut beliau, ekonomi Malaysia masih mampu bertahan kerana memiliki pelbagai sumber selain minyak seperti kegiatan perindustrian, getah dan kelapa sawit yang menyumbang hasil kepada negara.

Najib turut menempelak perbuatan pihak tertentu yang menyamakan penerima insentif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai pemakan dedak.

"Kita bukan membazir, bukan soal beli undi, ada yang dapat BR1M tidak sokong kita tetapi kita hendak memastikan rakyat dapat kita bantu dan ekonomi negara dapat kita rangsangkan," katanya.